

Syed Hussein Alatas: Pemikiran Kolonial dan Gagasan 'Feudalisme Melayu'

Syed Hussein Alatas: Colonial Mind and the 'Malay Feudalism' Idea

AZMI ARIFIN

ABSTRAK

Istilah 'feudalisme Melayu' mula diperkenalkan dalam penulisan sejarah Malaysia oleh orang Eropah, khususnya sarjana dan pegawai-pegawai kolonial British menjelang permulaan abad ke-19. Bagaimanapun, hanya pada tahun 1968 barulah ia dikaji sebagai suatu konsep yang jelas dan menyeluruh oleh Syed Hussein Alatas. Sejak itu, beliau telah dianggap sebagai pelopor dalam pengkajian tentang 'feudalisme Melayu'. Tulisan ini mengkaji sudut pandangannya tentang gagasan 'feudalisme Melayu' dan menjelaskan bagaimana, disebabkan oleh kurangnya kefahaman tentang teori feudalisme dan pemikiran beliau, pandangan Syed Hussein telah disalahtafsirkan oleh para sarjana tempatan hingga mewujudkan banyak kekeliruan terhadap gagasan 'feudalisme Melayu'.

Kata kunci: Syed Hussein Alatas, kolonialisme, pemikiran tertawan, feudalisme, mitos peribumi malas.

ABSTRACT

The term 'Malay feudalism' was first introduced by the Europeans, especially British scholars and colonial officials towards the beginning of the 19th century. It has been studied as an overt concept in 1968 by Syed Hussein Alatas. Since then, he has been recognized as a pioneer in the writing of the concept of 'Malay feudalism'. This paper analyses Syed Hussein's points of view on the concept and explains how his writing has been misinterpreted leading to many confusions among historians about the concept of 'Malay feudalism'.

Keywords: Syed Hussein Alatas, colonialism, captive mind, feudalism, the myths of the lazy natives

PENGENALAN

Syed Hussein Alatas adalah satu nama yang sudah tidak asing lagi dalam dunia akademik Malaysia. Beliau bukan hanya dikenali sebagai seorang intelektual berfikiran tajam, tetapi juga seorang pengkritik sosial, bahkan ahli politik yang berani dan berterus terang. Sumbangannya dalam bidang penulisan telah diakui di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Sesungguhnya kita jarang mempunyai seorang sarjana-pemikir sepertinya yang mampu menguasai pelbagai bidang ilmu dan memberikan pandangan yang mengundang reaksi yang meluas tentang banyak perkara.

Syed Hussein telah mempelopori kajian yang menarik tentang masalah dunia membangun, isu rasuah, watak tertawan dan peribumi malas. Walaupun beliau sudah meninggal dunia, namun tulisan-tulisan dan pemikirannya masih segar menjadi rujukan kepada pengkajian yang tidak habis-habis tentang masyarakat membangun dan peribumi Melayu khususnya.

Artikel ini menyorot dan membincangkan satu lagi konsep atau gagasan yang telah dibicarakannya, khususnya dalam satu tulisannya yang bertajuk "Feudalism in Malaysia Society: A Study in Historical Continuity". Berbanding tulisannya yang tersohor tentang ideologi kolonial, watak tertawan dan mitos peribumi malas (antaranya *Thomas Stamford Raffles – Schemer*

or Reformer?, The Myth of Lazy Native, Mitos Peribumi Malas dan Intelektual Masyarakat Membangun) pandangannya tentang 'feudalisme Melayu' sangat jarang disentuh dan dibahaskan oleh para pengkaji yang meneliti pemikiran beliau (Riaz Hassan 2005). Kajian ini menjelaskan pemikiran beliau terhadap gagasan feudalisme Melayu, sejauh mana ia dianggap wujud dan bagaimana pandangannya tentang gagasan itu telah disalahtafsirkan hingga mewujudkan pelbagai bentuk kekeliruan tentang sifat-sifat orang Melayu.

SYED HUSSEIN: WATAK TERTAWAN DAN PEMIKIRAN KOLONIAL

Syed Hussien Alatas merupakan seorang sarjana yang cukup berwibawa dan telah menghasilkan banyak tulisan tentang sejarah, budaya, sosial dan politik orang Melayu. Beliau mewakili sarjana 'dunia ketiga' yang mempelopori kajian yang begitu mendalam dan berani khususnya yang menyentuh tentang watak dan pemikiran tertawan, bebalisme dan 'feudalisme'. Kajiannya tentang watak-watak peribumi tersebut bersesuaian dengan pegangan dan perjuangannya sebagai seorang pemikir dan ahli politik dalam masyarakat.

Namun, sebagai seorang penyelidik dan pengkritik sosial yang berpandangan luas, Syed Hussein bukan

hanya berminat mengkaji punca-punca kelemahan peribumi, bahkan juga kesan-kesan kolonialisme dan ideologinya terhadap pemikiran tentang masyarakat itu. Beliau amat menyedari bahawa kolonialisme telah mencipta bukan sahaja dasar-dasar eksploitasi dan penindasan, tetapi juga memulakan pembinaan imej-imej buruk tentang masyarakat yang dijajah. Melalui beberapa tulisannya (khususnya *Thomas Stamford Raffles – Schemer or Reformer?* dan *The Myth of Lazy Native*), beliau melemparkan kritikan keras terhadap ideologi kolonial, yang dikatakan menjadi punca kepada pengenalan stereotaip-stereotaip negatif terhadap orang Melayu terutamanya melalui watak peribumi malas.

Bagi beliau, watak peribumi malas hanyalah satu mitos berpaksikan kehendak dan kepentingan kolonial, yang lebih berfungsi sebagai alat justifikasi kolonial untuk memesonkan kebenaran dan membolehkan kolonialisme mewujudkan gambaran songsang tentang perilaku masyarakat peribumi yang sedang dieksploitasinya. Menurut beliau;

Dalam perwujudan sejarah yang empiris, ideologi kolonial memanfaatkan gagasan tentang peribumi malas untuk membenarkan amalan penindasan dan ketidakadilan dalam mobilisasi tenaga kerja di negeri jajahannya. Ia menggambarkan citra negatif tentang peribumi dan masyarakat mereka untuk membenarkan dan mencari alasan penaklukan dan penguasaan Eropah terhadap wilayah tersebut. Ia juga memesonkan unsur-unsur kenyataan sosial dan manusia ini untuk menjamin bentuk ideologi yang sesuai dengan keperluan mereka (Syed Hussein Alatas 1977).

Melalui ideologi kolonial, pegawai-pegawai Eropah dan pewaris-pewaris pemikirannya mewujudkan pandangan yang berat sebelah terhadap watak peribumi. “Ilmuan kolonial”, tegas Syed Hussein, “...menghindari kajian tentang aspek-aspek negatif daripada kolonialisme...”, sebaliknya mendakyahkan bahawa “...kaedah dan kebudayaan Barat itu unggul; bahawa rakyat Barat seharusnya memimpin dunia; bahawa mereka paling tepat untuk menyedut kesuburan alam Timur; dan bahawa mereka adalah para pentadbir yang baik” (Syed Hussein Alatas 1977; Azmi Arifin 2006). Pada masa yang sama, kolonialisme menyalahkan pihak yang dijajah sebagai punca kepada kemunduran dan pengeksploitasian terhadap mereka. Eksploitasi terhadap yang dijajah pula telah diperlihatkan sebagai suatu proses pembaikan yang mulia dan diamati sebagai suatu bentuk pendidikan.

Penciptaan semula watak-watak peribumi melalui penggunaan pelbagai gelaran, istilah dan konsep negatif, serta keburukannya yang diperbesar-besarkan, menurut Syed Hussein lagi, bukanlah timbul daripada penelitian ilmiah, sebaliknya lahir dari suatu khayalan dan kebohongan. Ia tercetus akibat keinginan lebih untuk menghina daripada usaha untuk mentafsir dan memahami. Khayalan dan kebohongan dalam bentuk itulah, jelas beliau, kemudiannya diwarisi secara dangkal dan tanpa kritik oleh sesetengah pengkaji tempatan.

Melalui satu proses persambungan, telah terlahirlah watak-watak intelektual tertawan dari kalangan sarjana tempatan yang lebih gemar meniru dan meneladani bulat-bulat pemikiran yang didakyah zaman kolonial mengenai peribumi. Watak intelektual tertawan ini, tegas Syed Hussein lagi, “...tidak sanggup bercanggah secara ilmiah dengan aliran dan pihak Barat...”, (Syed Hussein Alatas 2005) malah menerima apa-apa sahaja yang disodorkan. Akibatnya, gambaran-gambaran yang dikemukakan oleh mereka tentang watak orang Melayu sehingga kini dipenuhi dengan gambaran palsu dan prasangka-prasangka buruk yang memenangkan ideologi kolonial.

Dalam usaha untuk membebaskan diri daripada belenggu intelektual tertawan dan pewarisan ideologi kolonial itu, beliau menyarankan agar para pengkaji menyusun semula konsep-konsep baru yang lebih sesuai bagi menggantikan konsep-konsep sejarah Barat. Konsep Barat, apatah lagi kolonial katanya, tidak perlu diterapkan secara automatik dalam penelitian terhadap sejarah masyarakat peribumi supaya kekeliruan tentang kebobrokannya tidak lagi dipanjangkan (Syed Hussein Alatas 1977). Dalam konteks inilah beliau menghasilkan bukunya *Mitos Peribumi Malas*, yang menjelaskan bahawa watak peribumi Melayu malas sama ada di Malaysia, Indonesia dan Filipina itu tidak pernah pun wujud sepertimana yang ditahyulkan, sebaliknya ia hanyalah satu mitos kolonialisme. Walaupun kritiknya begitu tajam dan terbuka terhadap ideologi kolonialisme, Syed Hussein bukanlah seorang penulis kebangsaan sempit. Beliau tidak pernah menafikan hakikat bahawa sifat-sifat buruk juga wujud dalam masyarakat peribumi, tetapi tidak pula menerimanya secara bulat-bulat daripada prasangka zaman kolonial.

Dalam usaha memberikan pandangan yang lebih seimbang tentang orang Melayu, beliau telah memperkenalkan konsep-konsep baru seperti bebalisme, pandir dan watak tertawan, yang diakuinya sebagai sejagat sifatnya dan boleh dikesan dalam apa sahaja zaman serta masyarakat, biarpun lebih ketara dalam masyarakat membangun seperti di Malaysia dan Asia Tenggara.

SYED HUSSEIN DAN PEMIKIRANNYA TENTANG ‘FEUDALISME MELAYU’

Di sebalik kritiknya yang keras terhadap ideologi kolonial dan warisan pemikirannya, serta saranannya terhadap penolakan konsep-konsep kolonial dan pengenalan konsep-konsep baru, beliau bagaimanapun mungkin terlepas pandang terhadap penggunaan istilah ‘feudal’ dan ‘feudalisme Melayu’. Sebenarnya ‘feudalisme Melayu’ juga merupakan satu lagi mitos atau kebohongan zaman kolonial yang telah dicipta dan dipergunakan sebagai alat untuk menjustifikasikan penjajahan British di negeri-negeri Melayu (Azmi

Arifin 2008). Malangnya, tanpa menyedari kaitan serta kepentingannya dengan penerapan ideologi kolonial itu, ia telah diterima oleh Syed Hussein sebagai suatu amalan yang benar-benar wujud dan pernah diamalkan oleh orang Melayu.

Penerimaan beliau terhadap penggunaan konsep itu, walaupun dengan perasaan yang ragu-ragu akan kesesuaiannya dalam mentakrifkan sifat-sifat masyarakat peribumi, adalah jelas amat bertentangan dengan pemikirannya tentang ideologi kolonial dan mitos peribumi malas. Namun dalam hal ini, beliau seakan-akan mengakui tentang kesukaran untuk menemui satu konsep baru yang lebih sesuai, yang dapat menggambarkan dengan jelas tentang perlakuan tertentu watak peribumi Melayu berbanding konsep feudalisme (Syed Hussein Alatas 1972). Oleh itu beliau menjelaskan;

The description of feudalism derived from Western history should not be applied too literally to South-East Asia. A comparative form of relationship existed. In South-East Asia there was the equivalent of the feudal lord – the chief, or raja, of a small area. He was the immediate fountain of authority. He performed many of the functions of the European feudal lord though his position was not entirely identical. There was no serfdom in South-East Asia, and for that matter in the greater part of Asia. Vassalage over a certain area was not sanctioned by written grants and ceremonial procedure but implied by the consent of the sovereign. The equivalent to the manor was the self-subsistent village community or a collection of such under one chief. Though there are important differences between Western European feudalism and South-east Asian feudalism, the similarities, particularly the psychological structures in the attitude of the period are not less worthy of attention. The characterization of feudalism refers to broad and general structures. Unfortunately the terminology has to be borrowed from European history. But nevertheless it should not be understood as portraying identical phenomena.

Dalam penelitiannya, Syed Hussein percaya feudalisme adalah satu sistem politik dan perundangan yang pernah diamalkan oleh orang Melayu sekurang-kurangnya sejak dari zaman Kesultanan Melayu Melaka lagi. Beliau mentakrifkan feudalisme sebagai;

...a method of government characterized by the following traits: (a) The presence of a big gulf between the poor (usually peasants) and the rich (usually noblemen and chiefs), in the economic, social, political and judicial field (b) the political order was dominated by hereditary groups having at their disposals large estates (c) the prevalence of the manorial system of economy wherein a large, self-sufficient estate was cultivated by the peasants for the master, often a royal personage who rewarded them with strips of land, the fruits of which were in the main part retainable (d) at the head of the manorial hierarchy was the feudal lord, immune from the supervision of higher authorities, yet possessing judicial, economic, fiscal and administrative rights (e) the relation between the lord and his dependants was one of enfeoffment, the lord having the right to the unpaid labour and services of his dependants (f) grants of land for cultivation were not to be withdrawn at will by the lord (g) the warrior class dominated the feudal order and

(h) the feudal order lacked functional division and favoured decentralization of power and administration (Syed Hussein Alatas 1972).

Menurut Syed Hussein, amalan 'feudalisme Melayu' itu telah menjadi lemah dan terhapus sejak proses pemodenan yang berlaku pada zaman kolonial British pada penghujung kurun ke-19. Walaupun telah terhapus, namun melalui suatu proses persambungan, saki bakinya dikatakan masih lagi wujud tetapi dalam bentuk psikologi, yakni 'psikologi feudal'. Jelas beliau;

In the context of psychological feudalism, the relationship between those in power and those dependent on them is characterized by personal attachment to the leader or man in authority rather than to the principles he stands for. The leader or the man in authority, whether he is a bureaucrat, a political celebrity, a teacher or a business manager, expects the subordinate to be loyal and faithful in a manner that sometimes comes into conflict with the norms and ethics of the work or profession. He is supposed to be loyal under almost all circumstances even if these circumstances violate the present values and philosophy of Malaysia society (Syed Hussein Alatas 1972).

Takrif 'psikologi feudal' yang dikemukakan oleh Syed Hussein adalah amat longgar. Ia dikaitkan dengan sikap kesetiaan dan kepatuhan melulu yang dikatakan terdapat dalam budaya orang Melayu sejak dari dahulu sampai ke hari ini. Sikap patuh, tidak ambil peduli, tak berani menyoal, menentang atau mengkritik dan hanya menurut perintah sesuka hati, didakwanya wujud dalam konteks hubungan antara golongan atasan-bawahan, atau antara pihak yang lemah dengan yang kuat, khususnya seperti yang terdapat dalam institusi manorial di Eropah dan sistem kerah di Tanah Melayu, yang dihubungkan kaitkannya dengan institusi feudal. Hubungan feudal dan 'psikologi feudal' juga dikatakan wujud misalnya dalam konteks hubungan antara pemerintah-rakyat, pembesar-pengikut, orang kaya-miskin, tuan tanah-petani (atau *serf*), bahkan mungkin dipercayainya wujud dalam setiap hubungan yang bersifat atasan-bawahan dan kuat-lemah termasuklah hubungan antara majikan-pekerja, guru-pelajar, ibu bapa-anak-anak dan sebagainya.

Sebenarnya pandangan sedemikian boleh menimbulkan banyak kemusykilan. Kita boleh mempersoalkan pada peringkat awal lagi sejauh manakah gagasan 'feudalisme Melayu' itu benar-benar wujud dalam budaya masyarakat Melayu? Takrifan Syed Hussein tentang konsep feudalisme itu sendiri terdapat banyak kelemahan. Pertama, takrif dan ciri-ciri konsep feudalisme yang diberikannya tidak langsung menggambarkan tentang corak sesebuah institusi atau hubungan feudal. Sebaliknya ia lebih merupakan suatu kekeliruan yang amat jelas terhadap institusi serfdom dan manorialisme yang pernah berkembang dalam sejarah Eropah.

Kedua, perbincangannya tentang 'psikologi feudal' juga jelas mengundang masalah. 'Psikologi feudal' adalah satu konsep yang terlalu umum dan luas. Oleh itu,

persoalan yang harus ditimbulkan ialah bagaimanakah kita dapat mengukur sesuatu sikap kesetiaan melulu itu sebagai 'psikologi feudal' dan membezakannya dengan psikologi bukan feudal? Adakah kesetiaan melulu dan membuta tuli itu hanya wujud sejak zaman feudal, dalam sesebuah masyarakat feudal sahaja atau hanya berkaitan dengan amalan feudalisme semata-mata?

Sebenarnya kesetiaan dan kepatuhan melulu golongan bawahan terhadap golongan atasan bukanlah satu fenomena luar biasa yang hanya wujud sejak zaman feudal dan dalam sesebuah masyarakat feudal sahaja. Fenomena ini wujud dalam setiap zaman dan peringkat masyarakat termasuk yang tidak boleh sama sekali dianggap mengamalkan feudalisme. Jelasnya, apa yang diistilahkan sebagai 'psikologi feudal' itu adalah suatu fenomena yang amat luas dan sejagat sifatnya. Ia boleh wujud dalam apa saja bentuk, zaman, dan ketamadunan masyarakat, sepertimana juga watak-watak pandir dan bebal yang telah turut dikemukakan oleh beliau (Syed Hussein Alatas 1992). Bahkan jika diteliti dengan lebih halus dan munasabah dari segi pengistilahannya, sebenarnya watak-watak pandir atau bebal, ataupun 'psikologi pak turut' yang turut diperkenalkan oleh Syed Hussein lebih sesuai digunakan untuk menggambarkan tentang sifat-sifat kesetiaan melulu dalam masyarakat Melayu jika dibandingkan dengan istilah 'psikologi feudal'.

PERSAMBUNGAN PEMIKIRAN SYED HUSSEIN TENTANG GAGASAN 'FEUDALISME MELAYU'

Syed Hussein mungkin terlepas pandang terhadap pengaruh dan penerapan ideologi kolonial dalam penggunaan istilah feudal dan 'feudalisme Melayu' itu. Namun, pandangannya telah dibentuk oleh pengkajian dan pengamatannya sendiri terhadap gagasan itu. Ini amat berbeza dengan sikap kebanyakan pengkaji tempatan sebelum dan selepasnya yang gemar mencedok sahaja istilah itu daripada tulisan-tulisan pegawai kolonial British.

Pengkaji-pengkaji sebelumnya didapati telah menggunakan istilah 'feudal' dan 'feudalisme Melayu' secara meluas dan sembrono tanpa melakukan kajian yang mendalam, bahkan mengambil apa sahaja contoh yang diberikan oleh penulis-penulis kolonial sewaktu membincangkan tentang sifat-sifat orang Melayu. Antara tulisan awal yang menyentuh tentang istilah 'feudal' dan 'feudalisme Melayu' tanpa memberi sebarang takrif dan ciri-cirinya adalah Raden Soenarno (1960), Kassim Ahmad (1964), Norbi Husin (1973) dan Rahmat Saripan (1979). Dengan munculnya pandangan baru yang dikemukakan oleh Syed Hussein itu, para pengkaji selepasnya juga cuba mengembang dan memperkukuhkan lagi kekeliruan-kekeliruan yang dibawa dalam pemikiran kolonial terhadap apa yang dianggap sebagai amalan 'feudalisme Melayu' itu.

Tanpa memahami dengan menyeluruh akan sikap, pemikiran dan pendirian Syed Hussein terhadap ideologi kolonial, para pengkaji tempatan telah menyambung dan mengembang lagi pandangan beliau tentang gagasan 'feudalisme Melayu', tetapi dengan menggunakan rujukan-rujukan kolonial dan bergantung hampir sepenuhnya kepada gambaran-gambaran negatif yang dicipta dalam ideologi kolonial sewaktu menjelaskan tentang sifat-sifat masyarakat Melayu; sesuatu yang jelas amat tidak disukai dan sering dikritik oleh Syed Hussein sendiri. Antaranya lihat tulisan dan pandangan yang dikemukakan oleh Chandra Muzaffar (1979 & 1983), Syed Husin Ali (1982) dan Shahrudin Maaruf (1988).

Sikap terlalu memandang rendah akan nilai-nilai dan ketamadunan masyarakat peribumi dan terlalu mengagung-agungkan kemajuan serta demokrasi Barat menyebabkan para penulis ini serasi dengan pemikiran kolonial. Keinginan untuk mengkritik para pemimpin, golongan bangsawan, parti politik dan pihak pemerintah Melayu semasa yang dianggap korup dan ketinggalan zaman telah mendorong mereka menggunakan istilah 'feudalisme Melayu' sebagai suatu gelaran untuk menggambarkan segala kelemahan orang Melayu. Oleh kerana 'bukti-bukti' tentang keburukan amalan 'feudalisme' orang Melayu itu diperoleh melalui gambaran-gambaran yang dikemukakan dalam tulisan-tulisan para pentadbir dan askar-askar kolonial British, tidak hairanlah jikalau pandangan yang dikemukakan oleh mereka itu adalah berbau kolonial.

Misalnya bukti-bukti tentang wujudnya amalan 'feudalisme Melayu' diambil berasaskan kepada pembahagian atau dikotomi zaman sebelum-selepas kolonial (Azmi Arifin 2006), sesuatu yang jelas diwarisi daripada semangat dan pemikiran zaman kolonial. Melalui pemikiran itu, masyarakat peribumi sebelum zaman kolonial seringkali digambarkan sebagai hidup dalam keadaan jahil, merosot, mundur, ganas, atau mudahnya, 'feudal'. Selepas zaman kolonial, mereka dikatakan menjadi lebih berkesedaran, kaya, makmur dan demokratik Swettenham (1900, 1942). Ciri-ciri 'feudalisme Melayu' yang dikembangkan oleh askar-askar British sewaktu mencatat dan memburuk-burukkan pihak yang sedang diperangi oleh mereka, iaitu para pembesar Melayu, telah dijadikan sebagai asas untuk mengkritik seluruh kepimpinan dan sifat-sifat politik orang Melayu, biarpun atas nama untuk memperbaiki dan memperjuangkan nasib mereka. Sikap seperti ini, biarpun dengan niat yang baik dan mulia, telah dikritik hebat oleh Syed Hussein melalui ulasannya terhadap buku *Revolusi Mental* Syed Hussein Alatas (1992).

Tanpa memahami asal-usul dan kesan penggunaan istilah 'feudalisme Melayu' itu, watak-watak intelektual tertawan secara terus menerus mengembang dan menggunakannya untuk menonjol-nonjolkan sifat-sifat kejahatan dan kerendahan orang Melayu, khususnya

sebelum zaman penjajahan. Mereka digambarkan sebagai watak-watak jahil, dayus dan patuh membuta tuli kepada pemerintah, walaupun semasa ditindas. Mereka juga didakwa hidup dalam keadaan yang daif, tertindas, tidak mempunyai inisiatif untuk maju, terkongkong dan tidak membuat keputusan yang betul. Mereka adalah seperti watak-watak pandir dan bebal yang hanya tahu mengikut dan bergantung nasib kepada orang atasan, yang selalunya pula disifatkan sebagai golongan yang tamak, korup dan gilakan kuasa. Secara umumnya, pandangan ini telah dikemukakan misalnya oleh Chandra Muzaffar (1979), Syed Husin Ali (1982) dan Shaharuddin Maaruf (1988).

Raja-raja dan pembesar Melayu tradisional misalnya adalah golongan yang sering menjadi mangsa dan digambarkan sebagai para pemerintah 'feudal' yang angkuh, bersikap kejam dan tak berhati perut. Dengan menyalahgunakan kuasa, dan menggunakan sistem perhambaan, perlanunan dan kerah, mereka sering menghisap darah rakyat dan menindas golongan bawahan secara berleluasa. Imej-imej pembesar Melayu yang ganas, sultan-sultan Melayu yang tidak tahu memerintah, ekonomi negeri-negeri Melayu yang merosot, rakyat yang jahil, tidak berdosa dan tertindas yang dibawa oleh askar dan pegawai kolonial British seperti John F. McNair dan Hugh Clifford (1895) dijadikan bukti utama dan dipetik di sana sini. Pegawai-pegawai kolonial tersebut dianggap bersimpati dengan nasib malang orang Melayu.

Apa pun gambaran negatif yang dibawa oleh mereka tentang watak 'feudalisme Melayu', sebahagian besarnya adalah suatu bentuk kedangkala dan kebohongan tentang sifat-sifat sebenar orang Melayu. Para pengkaji itu hanya menyambung sahaja pemikiran negatif yang dibawa zaman kolonial tentang sifat-sifat orang Melayu. Sifat buruk dan jahat masyarakat peribumi, biarpun tanpa bukti-bukti yang kukuh, telah diterima hampir bulat-bulat, malah sesetengahnya diperbesar-besarkan, sehingga menimbulkan banyak kesalahfahaman terhadap sejarah orang Melayu. Pendek kata, perbincangan mereka tentang gagasan 'feudalisme Melayu' itu telah jauh menyimpang daripada tradisi yang telah dibawa oleh Syed Hussien, biarpun pandangan beliau itu dijadikan rujukan utama dalam perbincangan-perbincangan tentang 'feudalisme Melayu'.

BEBERAPA KRITIK TERHADAP PEMIKIRAN TENTANG 'FEUDALISME MELAYU'

Berasaskan perbincangan di atas, boleh dikatakan pandangan yang dikemukakan tentang amalan 'feudalisme Melayu' telah menonjolkan banyak kelemahan dan sukar dipertahankan. Secara umumnya, pandangan-pandangan tentang 'feudalisme Melayu' yang dikemukakan oleh para sarjana tempatan timbul disebabkan oleh kesalahfahaman terhadap sifat-sifat orang Melayu tradisional akibat

pandangan negatif mereka terhadap sifat-sifat masyarakat itu dan pergantungan keterlaluan kepada tulisan-tulisan kolonial. Untuk mendapatkan kefahaman yang lebih jelas tentang kesalahfahaman dan kelemahan-kelemahan yang dibawa dalam tulisan mereka, kita boleh menggunakan kajian terbaru tentang gagasan 'feudalisme Melayu' yang telah dikemukakan oleh seorang pengkaji sejarah tempatan, Cheah Boon Kheng (1991), sebagai satu contoh. Kajian yang dikemukakan oleh Cheah adalah berasaskan rujukan yang menyeluruh terhadap beberapa tulisan, termasuklah oleh pegawai-pegawai kolonial British dan Syed Hussein sendiri.

Dalam tulisannya pada tahun 1991 itu, Cheah menegaskan bahawa "...feudalisme ialah konsep yang sangat berguna untuk menjelaskan struktur sosial dan politik orang Melayu pada zaman pra-penjajahan. Cuma feudalisme sahaja [penekanan oleh penulis] yang dapat membolehkan kita mengetahui sebab kerajaan Melayu Semenanjung Tanah Melayu kerap menghadapi huru-hara dan semakin merosot dan berpecah belah pada abad ke-19 sehingga akhirnya satu demi satu kerajaan itu jatuh ke tangan kerajaan Inggeris" (Cheah Boon Kheng 1991).

Menurut Cheah, beberapa sifat atau ciri yang telah dikenal pasti oleh penulis Inggeris dan sarjana Malaysia yang baginya harus dianggap sebagai sifat-sifat asas 'feudalisme Melayu' ialah;

1. pembesar lebih kuat daripada Sultan, yang memperoleh kesetiaan dan ketaatan golongan atasan ini dengan pemberian kawasan atau daerah [*fief*] kepada golongan tersebut;
2. hubungan antara pembesar dengan rakyat saling bergantung dan lebih rapat, seperti tuan dan anak buah, sungguhpun lebih berat sebelah kepada pembesar sehingga ternampak rakyat diperas dan ditindas;
3. sistem kerah yang membolehkan pembesar menggunakan tenaga rakyat untuk membuat kerja, sama ada untuk penanaman, ketenteraan dan urusan-urusan lain dan sudah tentu sistem ini memperkuat kedudukan pembesar;
4. pengagihan kuasa kerajaan di kalangan pembesar daerah;
5. perebutan kuasa antara pembesar dengan raja untuk kepentingan masing-masing, terutamanya apabila daerah tertentu didapati kaya dengan lombong bijih timah, seperti yang berlaku di negeri Perak, Selangor dan Negeri Sembilan; dan akhirnya,
6. kewujudan huru-hara kerana kelemahan kedudukan Sultan yang tidak dapat mengawal gerak-geri pembesar daerah yang saling bersaing dan berebutan kuasa itu.

Huraian tentang ciri-ciri 'feudalisme Melayu' di atas, dakwa Cheah;

...menjelaskan sebab perpecahan negeri-negeri Melayu Semenanjung sudah wujud secara tersendiri kerana corak feudal sistem politik dan sosialnya. Jika kita menumpukan perhatian

kepada perkembangan setiap kerajaan Melayu dari Kesultanan Melaka hingga abad ke-19, kebenaran pernyataan ini adalah ketara. Misalnya apabila kerajaan Melayu Melaka yang besar dan kuat runtuh pada tahun 1511, ia diganti oleh kerajaan Johor, tetapi proses perpecahan terus berlaku. Pembesar di jajahan takluk Melaka telah membebaskan diri masing-masing – di Siak, Jambi, Patani, Kelantan dan Pahang... *Maka sepanjang abad ke-19 tidak ada sebuah negeri Melayu Semenanjung yang terlepas dari perpecahan atau perebutan kuasa* [lagi penekanan oleh penulis]: Kedah/Perlis 1821-1848, Terengganu 1831-1839, Kelantan 1838-1839, Johor 1840-1855, Pahang 1857-1863, Selangor 1867-1874, Negeri Sembilan 1869-1889, dan Perak 1871-1877.”

Pandangan Cheah ini bukan sahaja tidak menggambarkan suatu kefahaman yang mendalam terhadap gagasan feudalisme, bahkan bukti-bukti yang diberikannya tentang masalah perpecahan ‘feudal’ orang Melayu itu adalah kabur dan seolah-olah sengaja disusun agar kelihatan sedemikian rupa. Sebenarnya keruntuhan kerajaan Melayu Melaka bukanlah disebabkan oleh “cuma feudalisme sahaja..” atau “perpecahan yang sudah wujud secara tersendiri kerana feudalismenya” sahaja, tetapi yang lebih tepat ialah kerana penaklukan Portugis. Memang berlaku konflik dalam kepimpinan Melaka pada ketika itu, namun Melaka berjaya ditawan bukanlah disebabkan ‘perpecahan feudalnya’ semata-mata tetapi juga disebabkan oleh pengkhianatan orang asing yang tinggal dan berdagang di Melaka (Abdul Rahman Haji Ismail 2007). Peranan kedua-dua pihak ini langsung tidak disentuh oleh Cheah yang lebih menumpukan pada soal perpecahan orang Melayu dan sikap feudalnya.

Kesalahan fakta yang dikemukakan oleh Cheah amat ketara apabila beliau mengatakan bahawa tidak ada sebuah negeri Melayu pun yang terlepas daripada ‘perpecahan feudal’ pada kurun ke-19 itu. Sebenarnya, berasaskan bukti-bukti sejarah yang kukuh, tidak pernah lagi berlaku suatu perpecahan besar-besaran atau keadaan kacau bilau dan anarki seperti yang cuba digambarkan oleh beliau bagi mana-mana negeri Melayu pun bagi tempoh sepanjang kurun ke-19 itu. Peperangan saudara kerana perebutan takhta memang berlaku di beberapa tempat di negeri Melayu, tetapi ia bukanlah satu fenomena baru dan tidak pernah berlaku dengan meluas sebelum kurun ke-19. Soal perebutan takhta telah berlaku sekurang-kurangnya sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka tetapi ia tidaklah pernah mewujudkan keadaan-keadaan yang boleh mengancam atau meruntuhkan kerajaan itu. Begitu juga sifat-sifat ‘feudalisme Melayu’ lain yang digambarkannya berdasarkan catatan kolonial seperti perebutan kuasa, persaingan antara raja-pembesar dan penindasan golongan atasan terhadap rakyat bawahan haruslah diteliti semula dengan lebih berhati-hati kerana ia diperjelaskan dalam keadaan yang boleh menimbulkan salah faham terhadap perkembangan sejarah sebenar orang Melayu.

MASYARAKAT MELAYU BERDASARKAN CATATAN SUMBER-SUMBER SEJARAH

Pada asasnya, dakwaan yang mengatakan wujud amalan feudalisme di negeri-negeri Melayu, dan dalam kalangan orang Melayu, sama ada sebelum mahupun semasa kurun ke-19 itu adalah terlalu longgar. Pandangan tersebut lahir akibat daripada tiadanya pengkajian yang mendalam dilakukan bukan sahaja terhadap konsep feudalisme, tetapi juga sejarah orang Melayu.

Sebelum ini, para pengkaji sering mengaitkan kewujudan amalan ‘feudalisme Melayu’ dengan unsur-unsur tertentu yang dianggap lama, ketinggalan zaman, buruk, jahat dan menindas. Antaranya ialah terdapatnya institusi kesultanan, kebangsawanan, hubungan pemerintah-yang diperintah, kelas atasan-bawahan, tuan tanah-petani, penindasan ekonomi, sistem kerah, perhambaan, perebutan takhta, peperangan saudara, perpecahan, keadaan anarki dan sebagainya. Namun unsur-unsur tersebut bukanlah merupakan gagasan-gagasan pokok konsep feudalisme. Sama ada ia wujud atau tidak dalam amalan masyarakat Melayu tidak boleh dijadikan ukuran bagi menjelaskan tentang perkembangan amalan ‘feudalisme Melayu’ (Azmi Arifin 2003).

Kita juga boleh mempersoalkan sejauh mana unsur-unsur yang dikaitkan dengan ‘feudalisme Melayu’ itu benar-benar wujud dalam amalan masyarakat Melayu, khususnya sebelum penjajahan British. Ini penting memandangkan terdapat ramai sarjana yang terpengaruh dengan pandangan negatif tentang masyarakat Melayu yang dibawa dalam tulisan-tulisan kolonial itu dan akhirnya memberikan gambaran yang tidak tepat dan terpesong tentang sifat-sifat sebenar masyarakat Melayu tradisional.

Seringkali diujahkan dalam tulisan para pengkaji bahawa hubungan yang wujud antara Sultan dan para pembesar Melayu adalah bersifat hubungan feodal (antara *lord-vassal*) dengan para pembesar Melayu seringkali diperlihatkan sentiasa bertelingkah dan bersaing dengan istana untuk merebut kuasa. Sebenarnya ini adalah gambaran yang tidak tepat kerana kedudukan pembesar Melayu adalah tidaklah sama dengan status golongan *vassal* atau hulubalang persendirian yang terikat dengan satu bentuk persetujuan bertimbal balas seperti yang terdapat dalam zaman feodal di Eropah.

Pembesar Melayu bukanlah golongan *vassal* yang terikat dengan apa-apa bentuk persetujuan bertimbal balas untuk memberikan khidmat ketenteraan kepada seseorang *lord* atau tuannya. Mereka juga bukanlah golongan pemilik tanah atau hulubalang ataupun golongan bangsawan persendirian yang bebas atau sedang bersaing dengan Sultan untuk memerdekakan diri daripada kekuasaan kerajaan pusat di istana. Sebaliknya mereka adalah pegawai-pegawai kerajaan yang dilantik dan diberi ‘gaji’ oleh Sultan. Mereka diberikan tugas-tugas tertentu untuk melaksanakan fungsi-fungsi yang telah

pun ditetapkan oleh pemerintah di istana. Terdapatnya jawatan-jawatan tertentu dengan fungsi-fungsinya yang tersendiri seperti Orang Besar Berempat, Orang Besar Berlapan, Orang Besar Enam Belas dan Orang Besar Tiga Puluh Dua jelas menunjukkan dan mengesahkan lagi wujudnya sebuah pemerintahan berkerajaan yang berpusatkan istana itu.

Sebagai pembesar istana, mereka dianugerahkan pangkat, para pengikut dan diberikan hak-hak serta kekuasaan yang luas terhadap daerah-daerah tertentu. Tetapi ini bukanlah bermakna mereka mempunyai kekuasaan yang menyeluruh terhadap daerah-daerah tersebut yang boleh diperlakukan sebagai *fief* atau dijadikan hak milik persendirian. Sebaliknya, kekuasaan dan hak-hak mereka terhadap daerah yang diserahkan di bawah tanggungjawab mereka itu masih lagi dikawal dan diputuskan di bawah restu istana. Bahkan pangkat, jawatan dan segala kekuasaan yang diberikan kepada mereka itu sendiri bukanlah hak yang mutlak dan kekal. Ia tidak boleh diperlakukan dan diwarisi kepada sesiapa sahaja secara sesuka hati. Malah, ia boleh dirampas dan dilucutkan oleh Sultan pada bila-bila masa yang dikehendakinya (Azmi Arifin 2007).

Pada zaman dahulu, hubungan yang wujud antara sultan-pembesar Melayu adalah sangat rapat, bukannya dalam bentuk persaingan dan perseteruan. Institusi kesultanan dan pembesar Melayu bukanlah merupakan dua institusi yang berbeza dan saling bersaing, seperti yang terdapat dalam sistem feudal. Sebaliknya ia terangkum dalam satu institusi yang saling perlu memerlukan dan lengkap melengkapi antara satu sama lain. Seseorang sultan dan institusinya tidak boleh wujud dan memerintah tanpa adanya para pembesar manakala pembesar pula tidak mempunyai hak dan kuasa tanpa restu sultan. Oleh itu, kekuasaan para pembesar tidak harus dilihat sebagai suatu bentuk ancaman atau persaingan kepada kekuasaan istana, sebaliknya ia menunjukkan kekuasaan istana dan keteguhan kerajaan seseorang sultan.

Hubungan yang terjalin antara sultan-pembesar Melayu dan pembesar-rakyat adalah berasaskan hubungan kekerabatan, bukannya feudal. Dalam pemerintahan, sultan dan para pembesarnya; sebahagiannya adalah sanak saudara sultan sendiri; sering bermuafakat dalam membuat segala keputusan penting. Ini kerana adat Melayu menegaskan bahawa "raja mesti memberitahu semua hal, sama ada baik atau buruk kepada orang besarnya. Begitu juga orang besar harus memberitahu semua perkara dan menerangkan kepada rakyat perkara baik dan buruk" (Andaya 1975). Rakyat juga sentiasa diberi peluang untuk terlibat dalam proses permuafakatan itu walaupun tidak mempunyai suara yang sama tinggi. Dalam konteks berkerajaan, permuafakatan atau keputusan yang dibuat secara kolektif bukanlah satu perkara baru dalam budaya politik orang Melayu.

Dakwaan yang mengatakan bahawa hubungan yang wujud antara sultan-pembesar Melayu adalah dalam bentuk persaingan dan perebutan kuasa adalah tidak tepat.

Sebenarnya dalam perkembangan sejarah, para pembesar Melayu tidak pernah pun mempunyai kecenderungan untuk memerdekakan diri dan menentang kekuasaan istana. Mereka juga tidak pernah mempunyai minat untuk merebut kekuasaan sultan atau ingin merampas takhta, lebih-lebih lagi kerana perlantikan sultan bukannya berasaskan kekuasaan politik atau ketenteraan, tetapi kesucian darah dan keturunannya. Lagipun sejauh mana berkuasanya seseorang pembesar ia tetap bergantung kepada restu dan sokongan istana. Tentang hal ini Gullick menjelaskan bahawa seseorang pembesar itu lebih "...rela menerima penghinaan rasmi dari sultannya dan hukuman yang berat daripada menentang sultan itu. Sebarang tentangan akan merupakan satu cabaran kepada perpaduan negeri daripada kepada peribadi sultan. Lagi pula tentangan ini akan menyebabkan orang yang menderhaka itu hilang statusnya kerana jawatan pembesar adalah kurniaan dari sultan. Sudah menjadi adat bagi mendapatkan keizinan sultan biarpun sultan tidak mempunyai kuasa untuk memberi kesan kepada keizinannya itu" (Gullick 1978).

Walaupun diakui bahawa perselisihan faham, persaingan dan perebutan takhta antara golongan pemerintah kadangkala berlaku, namun ia tidaklah pernah menimbulkan perpecahan atau kekacauan meluas, sepertimana yang cuba digambarkan oleh Cheah, sehingga tidak lagi dapat dikawal dan mewujudkan keadaan huru-hara yang mungkin boleh mendorong kepada perkembangan feudalisme. Menurut Gullick, "...tidak pernah terjadi peperangan yang menyeluruh dan tidak seorang pembesar pun yang pernah berusaha memperkuatkan kedudukannya menjadi seorang pemerintah yang merdeka... Tujuan tiap-tiap perang saudara itu adalah untuk mendapatkan penguasaan negeri yang bersatu sebagai kuasa di belakang sultan" (Gullick 1978). Tentang soal perebutan takhta pula, Andaya (1975) menjelaskan bahawa ia lebih memainkan peranan sebagai;

...a purifying role in traditional politics. Normally Malay conflicts did not entail great loss of life and were exercises in insult and skirmish rather than full scale battle. The outcome brought a rearrangement of the power structure at the top rather than a change in the policy or style of government. The typical war threw up a powerful man who commanded the loyalty of most influential chiefs, and a period of fighting was then followed by a relatively stable reign.

Pandangan tersebut adalah benar kerana dalam proses penggantian kerajaan, soal perebutan takhta telah berlaku sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka lagi dan ia tidak pernah mewujudkan huru-hara dan perpecahan dalam masyarakat Melayu kerana persaingan yang berlaku hanyalah melibatkan golongan atasan yang tertentu sahaja. Rakyat biasa umumnya tidak terlibat dalam perselisihan faham itu dan mereka tetap menjalani kehidupan seperti biasa.

Di sebalik gambaran keadaan perpecahan yang meluas oleh Cheah, sejarah mencatatkan bahawa

sepanjang kurun ke-18 dan ke-19 peperangan saudara untuk merebut takhta telah berlaku biasanya dalam tempoh yang agak singkat dan tanpa mengorbankan banyak nyawa. Ia selalunya berakhir dengan munculnya kepimpinan politik baru yang sangat kuat, memerintah dengan jauh lebih lama dan jauh lebih stabil berbanding sebelumnya. Contohnya ialah Kedah di bawah pemerintahan Sultan Muhammad Jiwa Abidin Syah (1720-an-1778) dan Perak di bawah Sultan Iskandar Zulkarnain (1752-1765) pada kurun ke-18, serta Terengganu di bawah pemerintahan Sultan Baginda Omar (1831, 1839-1876), Pahang di bawah pemerintahan Sultan (Bendahara) Wan Ahmad (1882-1914) dan juga Kelantan di bawah pemerintahan Sultan Muhammad II (Long Senik Mulut Merah) (1838-1886) pada kurun ke-19 dan banyak lagi contoh lain. Secara umumnya, perebutan takhta seperti yang berlaku di kebanyakan negeri Melayu adalah terjadi dalam kalangan kaum keluarga di raja itu sendiri dan tidaklah melibatkan golongan lain. Perang saudara ini tidak menjejaskan kerajaan yang wujud atau mengganggu sepenuhnya kegiatan ekonomi dan sosial golongan rakyat. Ia juga berakhir tanpa meninggalkan kesan yang besar dan akan digantikan dengan kestabilan dan keamanan berpanjangan selepas tamatnya perang saudara. Namun, tumpuan para sarjana terlalu diberikan kepada keadaan zaman perang hingga mereka meninggalkan keadaan yang wujud selepasnya.

Begitu juga dakwaan bahawa wujudnya penindasan secara meluas golongan pemerintah terhadap rakyat bawahan yang sering diumpamakan sebagai penindasan tuan tanah terhadap golongan *serf* pada zaman feudal di Eropah perlu dilihat sebagai satu gambaran yang telah diperbesar-besarkan. Ramai pengkaji telah mengaitkan amalan perhambaan dan sistem kerah sebagai lambang penindasan dalam kepimpinan masyarakat Melayu. Namun pandangan ini tidaklah benar kerana perhambaan dan sistem kerah yang diamalkan dalam masyarakat Melayu tidak wujud dalam bentuk penindasan dan kezaliman seperti yang disamakan dengan keadaan pada Zaman Pertengahan di Eropah. Dalam kitab-kitab sejarah Melayu sendiri sering digambarkan bahawa rakyat jelata yang diajak berkerah, misalnya untuk membina masjid atau istana, bukan sahaja menyahutnya dengan perasaan senang hati, bahkan menjadikannya sebagai acara yang penuh meriah bagaikan pesta (Azmi Arifin 2005). Kecuali berdasarkan catatan-catatan para pegawai kolonial yang boleh diragukan, tidak terdapat bukti jelas bahawa fenomena pembesar memaksa dan menzalimi rakyat jelata melalui sistem perhambaan dan sistem kerah telah menjadi lunas amalan dalam masyarakat Melayu zaman dahulu.

Di sebalik tanggapan yang memperlihatkan seolah-olah berlakunya ketidakadilan dan penindasan dalam hubungan pembesar-rakyat di Tanah Melayu, terdapat sesetengah pegawai kolonial sendiri yang mengakui bahawa rakyat bawahan di negeri-negeri Melayu,

termasuk golongan hamba, telah diperlakukan oleh pemerintah mereka dengan begitu baik sekali. Walaupun diakui bahawa dalam sejarah orang Melayu, tindakan pemerasan golongan atasan terhadap golongan rakyat bawahan mungkin pernah berlaku, tetapi ia bukanlah merupakan satu bentuk kelaziman yang berleluasa. Ini disebabkan oleh keperluan para pembesar Melayu itu sendiri untuk menghormati "...undang-undang yang dibuat olehnya dan keamanan di kawasannya" (Gullick 1969).

Lagipun bagi negara yang tanahnya luas tetapi mempunyai penduduk yang sedikit, rakyat menjadi punca utama kepada kekayaan dan kekuasaan para pembesar Melayu. Oleh itu, pembesar akan mengelak daripada bertindak keras hingga menjejaskan perasaan hormat dan setia rakyat kepadanya. Menurut Gullick, "Seseorang pembesar itu mempunyai segala galakan untuk mengelak daripada menimbulkan permusuhan antara pengikut-pengikutnya yang bersenjata dengan golongan petani kerana kepada mereka itulah kekayaan dan kekuasaannya bergantung. Ia mungkin menindas orang perseorangan yang tertentu tanpa tertakluk kepada hukum, tetapi ia tidak boleh berbuat demikian kepada semua rakyatnya".

Malah Gullick turut menegaskan bahawa dalam hubungan antara kedua belah pihak, para pembesar juga mempunyai tanggungjawab yang jelas dalam menjaga kebajikan rakyatnya. Ini kerana rakyat jelata juga boleh mengadili dan menghukum salah laku para pembesar. Salah satu caranya ialah dengan melarikan diri dan berpindah ke tempat yang dikuasai oleh pembesar lain. Cara ini amatlah ditakuti oleh seseorang pembesar Melayu kerana dalam keadaan pergantungannya kepada sokongan pengikut yang ramai, ia boleh kehilangan sumber kekayaan dan kekuasaannya. Menurut Gullick;

Jika ia (pembesar) menindas rakyat dengan sewenang-wenangnya ataupun jika ia gagal melindungi mereka itu daripada perampas-perampas, maka mereka akan melarikan diri dan menetap di tempat lain... Perpindahan itu merupakan satu gambaran terhadap keadaan ekonomi pada masa itu. Dalam setengah-setengah masyarakat, tanah amat kekurangan ataupun mempunyai nilai yang khas, oleh sebab itu pemerintah yang boleh menguntukkan tanah kepada rakyat akan dapat menarik dan menguasai rakyat melalui cara ini. Walau bagaimanapun di tempat tanah tidak merupakan barangan yang tidak mencukupi seperti Negeri-Negeri Melayu, maka kuasa politik itu, biarpun ianya dijalankan dalam satu kawasan yang ditakrifkan, adalah berasaskan penguasaan ke atas rakyat. Sesuatu yang dilakukan bertentangan dengan keadilan dalam mahkamah dan kekalahan dalam peperangan bermaknalah kehilangan rakyat (Gullick 1969).

PENUTUP

Perbincangan di atas tidaklah menjelaskan kesemua hujah yang dapat menampilkan tentang perbezaan

sebenarnya yang wujud antara watak peribumi Melayu dengan watak sebuah masyarakat feudal, misalnya seperti yang terdapat dalam masyarakat Eropah Barat Zaman Pertengahan. Namun, ia sudah cukup kuat untuk menangkis pandangan-pandangan yang melulu dan tidak tepat terhadap gagasan 'feudalisme Melayu' dan sifat-sifat orang Melayu itu. Ia juga dapat menunjukkan bahawa gagasan 'feudalisme Melayu' itu sesuatu yang tidak pernah wujud dan merupakan satu lagi mitos zaman kolonial yang tidak berasas.

Walaupun terlepas pandang terhadap gagasan atau mitos 'feudalisme Melayu' itu, namun pendekatan dan pendirian Syed Hussein Alatas, seperti yang dapat digambarkan secara menyeluruh melalui hasil-hasil tulisannya, adalah amat jelas. Beliau sentiasa menyarankan agar setiap pengkaji bersikap lebih kritikal terhadap pengaruh dan pemikiran kolonial. Beliau juga mahukan agar para pengkaji tempatan menggunakan secara berhati-hati setiap gambaran yang dibawa oleh penulis-penulis kolonial terhadap masyarakat yang dijajah. Sebagai seorang pengkaji yang begitu arif dan teliti, kita juga diajarnya agar tidak mengambil sikap memandang mudah dan terlalu bergantung kepada pandangan orang lain dengan menerima bulat-bulat apa saja yang dibawanya, khususnya jika ia melibatkan pihak kolonial. Mereka yang hanya menerima bulat-bulat apa sahaja yang dibuat, ditulis dan difikirkan oleh orang lain dianggapnya sebagai watak-watak tertawan, bebal dan pandir.

Meskipun harus diakui bahawa daripada segi budaya ilmu dan intelektual kita sebenarnya semuanya masih lagi diikat oleh kerangka pemikiran Barat-kolonial, namun usaha-usaha perlulah digerakkan dari semasa ke semasa untuk membebaskan diri sepenuhnya daripada belenggu ideologi kolonial itu. Pengenalan kajian-kajian yang berasaskan perspektif atau kaca mata tempatan serta penggunaan konsep-konsep baru yang tidak lagi terikat sepenuhnya dengan tradisi persejarahan Barat adalah langkah kecil yang harus diusahakan. Dari segi ini, sumbangan Syed Hussein Alatas dalam membina dan memperkukuhkan suatu sikap dan pemikiran intelektual yang berada di luar kotak ideologi kolonial haruslah dipuji dan diperkemaskan lagi. Semoga selepas ini akan lahir sarjana-sarjana yang mampu menerobos jauh ke dalam pemikiran yang dibawanya itu dan seterusnya menyumbang ke arah menempatkan semula penulisan sejarah peribumi pada landasannya yang sebenar.

RUJUKAN

- Abdul Rahman Haji Ismail. 2007. 50 tahun merdeka: Menilai semula perjuangan bangsa. Seminar Kebangsaan 50 Tahun Kemerdekaan Negara, Dewan Budaya Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, 23 Ogos.
- Andaya, B.W. 1975. The nature of the state in eighteenth century Perak. Dlm. *Pre-Colonial State Systems in Southeast Asia*, disunting oleh Anthony Reid & Lance Castles. Monograf No. 8, Kuala Lumpur: MBRAS.
- Azmi Arifin. 2003. 'Feudalisme' dan pencetusan Revolusi Perancis 1789. *Jurnal Ilmu Kemanusiaan* 10.
- Azmi Arifin. 2005. 'Feudalisme Melayu' dan Perak kurun ke-18 daripada catatan Misa Melayu. *Jurnal Ilmu Kemanusiaan* 12.
- Azmi Arifin. 2006. Imperialisme Eropah dan warisan pemikiran tentang nasionalisme Melayu. Dlm. *Nasionalisme dan Revolusi di Malaysia dan Indonesia*, disunting oleh Abdul Rahman Haji Ismail, Azmi Arifin dan Nazarudin Zainun. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Azmi Arifin. 2006. Konsep feudalisme: Takrif, Ciri-ciri dan garis sempadan. *Jebat* 33: 45-72.
- Azmi Arifin. 2007. 'Feudalisme Melayu': Asal-usul pemikiran, sejarah dan pensejarahan. Tesis Doktor Falsafah, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Azmi Arifin. 2008. Feudalisme Melayu: Satu mitos. Dlm. *Seminar Kepimpinan Melayu*, disunting oleh Shireen Haron, Mat Zin Mat Kib dan Shaharuddin Badaruddin. Anjuran Institut Kualiti & Pengembangan Ilmu, 18-19 November.
- Chandra Muzaffar. 1979. *Protector? An Analysis of the Concept and Practice of Loyalty in Leader-led Relationships within Malay Society*. Pulau Pinang: Aliran Publications.
- Chandra Muzaffar. 1983. Continuity and change in Malay ideas of the Melakan period. Dlm. *Melaka: The Transformation of a Malay Capital 1400-1980*, disunting oleh K.S. Sandhu & Paul Wheatly. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Cheah Boon Kheng. 1991. Feudalisme Melayu: Ciri-ciri dan pensejarahannya. Dlm. *Isu-isu Pensejarahan*, disunting oleh Abu Talib Ahmad dan Cheah Boon Kheng. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Clifford, Hugh. 1895. Report on expedition to Terengganu and Kelantan, 7 August 1895. *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society* 34(1): 1961.
- Gullick, J.M. 1969. *Sistem Politik Bumiputera Tanah Melayu Barat* (Terj.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kassim Ahmad, sunt. 1964. *Hikayat Hang Tuah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- McNair, J.F. 1909. *Perak and the Malays*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Norbi Husin. 1973. Sistem politik dan masyarakat negeri Perak sebelum 1874: Suatu gambaran Umum. *Jebat* 3(4): 27-39.
- Raden Soenarno. 1960. Malay nationalism, 1896-1941. *Journal of Southeast Asian History* 1: 8-10.
- Rahmat Saripan. 1979. *Perkembangan Politik Melayu Tradisional Kelantan, 1776-1842*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Riaz Hassan, sunt. 2005. *Local and Global: Social Transformation in Southeast Asia, Essays in Honour of Professor Syed Hussein Alatas*. Leiden and Boston: Koninklijke Brill.
- Shaharuddin Maaruf. 1984. *Concept of a Hero in Malay Society*. Singapore: Eastern Universities Press.
- Shaharuddin Maaruf. 1988. *Malay Ideas on Development: From Feudal Lord to Capitalist*. Singapore: Times Book International.
- Swettenham, F. 1900. *The Real Malay*. London: John Lane Pub.

- Swettenham, F. 1942. *Footprints in Malaya*. London: Hutchinson.
- Syed Husin Ali. 1981. *The Malays: Their Problems and Future*. Kuala Lumpur: Heinemann Asia.
- Syed Hussein Alatas. 1971. *Thomas Stamford Raffles – Schemer or Reformer?* Singapore: Angus and Robertson.
- Syed Hussein Alatas. 1972. Feudalism in Malaysia society: A Study in historical continuity. Dlm. *Modernization and Social Change*, edited by Syed Hussein Alatas. London/Sydney: Angus and Robertson.
- Syed Hussein Alatas. 1977. *Mitos Peribumi Malas*. Terj. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Syed Hussein Alatas. 1977. *The Myth of Lazy Native*. London: Frank Cass.
- Syed Hussein Alatas. 1992. *Intelektual Masyarakat Membangun*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Syed Hussein Alatas. 2005. Watak tertawan di negara membangun. Dlm. *Pasca kolonialisme dalam Pemikiran Melayu*, disunting oleh Mohamad Daud Mohamad dan Zabidah Yahya. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Azmi Arifin, Ph.D
Bahagian Sejarah, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan
Universiti Sains Malaysia
11800 Minden, Pulau Pinang
E-mail: azmiarifin@usm.my